



جابتن حال إحوال اِكْنام إسلام قولوا قينخ  
JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PULAU PINANG



TEKS KHUTBAH  
**DETIK KESEDARAN  
SEORANG HAMBA**



Tarikh Bacaan:  
**22 MEI 2026M / 5 ZULHIJAH 1447H**

Dibiayai :



MAJLIS AGAMA ISLAM  
NEGERI PULAU PINANG

Diterbitkan :



JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM  
PULAU PINANG

***Jawatankuasa  
Panel Semakan Teks Khutbah  
Negeri Pulau Pinang***

- 1. Sahibus Samahah Prof. Madya Dato' Dr. Mohd Sukki bin Othman (Pengerusi)**  
Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang
- 2. YBhg. Ustaz Muhammad Fadzil bin Alias**  
Pengarah, Yayasan Dakwah Islamiyah (YADIM) Pulau Pinang
- 3. YBhg. Ustaz Ahmad bin Hashim**  
Mantan Penasihat, Pusat Pengajian Tahfiz Al-Quran (PPTQ)  
Kolej Islam Teknologi Antarabangsa Pulau Pinang (KITAB)
- 4. YBhg. Ustaz Subki bin Mohamed**  
Mantan Pensyarah Kanan, IPG Kampus Tuanku Bainun
- 5. YBrs. Dr. Mohamad Zaki bin Hj Abdul Halim**  
Penolong Mufti, Bahagian Fatwa,  
Jabatan Mufti Negeri Negeri Pulau Pinang
- 6. YBhg. Ustazah Rohayati binti Daud**  
Mantan Penyelaras Program Intervensi Kaunseling,  
Universiti Sains Malaysia
- 7. YBhg. Ustaz Ahmad Shahimi bin Senawi**  
Pendakwah
- 8. Ustaz Mohd Hanif bin Omar @ Wahab (Setiausaha)**  
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Dakwah  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP)



# Detik Kesedaran Seorang Hamba

22 Mei 2026M/ 5 Zulhijjah 1447H

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي شَرَعَ لِعِبَادِهِ الْقَادِرِينَ، حَجَّ بَيْتِهِ الْحَرَامِ، وَجَعَلَ الْحَجَّ أَحَدَ أَرْكَانِ  
الإِسْلَامِ، وَغَفَرَ لِمَنْ حَجَّهُ لَمْ يَرُفْثْ وَلَمْ يَفْسُقْ جَمِيعَ الذُّنُوبِ وَالْآثَامِ،  
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، الْمَلِكُ الْعَلَّامُ،  
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ أَفْضَلُ الْمُرْسَلِينَ وَأَكْمَلُ الْإِمَامِ.  
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى عَبْدِكَ وَرَسُولِكَ مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الْبَرَّةِ  
الْكِرَامِ وَهُدَاةِ الْأَنَامِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ اتَّقُوا اللَّهَ وَاعْمَلُوا الصَّالِحَاتِ وَاجْتَنِبُوا  
الْمُنْكَرَاتِ وَادْكُرُوا اللَّهَ كَثِيرًا فِي أَيَّامِ مَعْلُومَاتٍ وَاشْكُرُوهُ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

## SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Bertaqwalah kepada Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى* dengan melakukan amalan mulia serta menjauhan segala kemungkarannya. Ingatlah Allah sebanyak-banyaknya dan perbanyakkanlah selawat ke atas Nabi Muhammad *صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ*.

Di hari yang mulia ini, bertepatan dengan saat umat Islam yang dipilih Allah sedang bersiap sedia menunaikan ibadah haji di tanah suci Mekah, marilah kita merenung dan menghayati keagungan Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى* dan hikmahnya di dalam pensyariatannya ibadah wukuf di Arafah



yang akan berlangsung beberapa hari lagi. Khutbah hari ini membawa tajuk: **Detik Kesedaran Seorang Hamba.**

### **MA'ASYIRAL MUSLIMIN, RAHIMAKUMULLAH,**

Sesungguhnya mengerjakan haji adalah satu jihad. Jihad bermaksud perjuangan, dan sebesar-besar perjuangan ialah menundukkan hawa nafsu. Dalam melaksanakan ibadah haji, perjuangan melawan kehendak diri inilah yang menjadi penentu sama ada seseorang itu pulang dengan haji yang mabrur atau sekadar letih tanpa ganjaran.

Orang yang mengerjakan haji berlumba-lumba untuk meraih keampunan dan hidayah Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى*, seterusnya mengharap ganjaran yang paling agung, iaitu syurga yang penuh dengan kenikmatan yang tidak pernah terlintas di hati dan tidak tergambar oleh pemikiran manusia.

Namun persoalannya, berapa ramai yang benar-benar pulang dengan jiwa yang berubah dan berapa ramai pula yang pulang tanpa pengampunan dosa?

### **MA'ASYIRAL MUSLIMIN RAHIMAKUMULLAH,**

Kemuncak amalan haji adalah apabila para jemaah haji berwukuf di bumi Arafah, bumi yang diperkenankan segala doa, bumi yang menjanjikan keampunan kepada setiap jemaah haji yang berwukuf padanya. Sabda Rasulullah *صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ*:

الْحَجُّ عَرَفَةَ

Maksudnya: *“Haji itu adalah dengan berwukuf di Arafah.”*

Pada hari tersebut, syaitan amat berdukacita kerana turunnya rahmat Allah yang begitu luas, sehingga dosa-dosa besar diampunkan. Ia merupakan kemuncak ibadah haji yang seolah-olah menggambarkan suasana Padang Mahsyar, jutaan jemaah berpakaian ihram putih melambangkan persamaan darjat dan keinsafan diri.

### **SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Hari wukuf di Arafah mengingatkan kita tentang perhimpunan agung di Padang Mahsyar. Di sana, manusia akan berdiri di hadapan Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى* tanpa harta, pangkat dan kedudukan. Tiada sesiapa yang dapat membantu kecuali amalan yang dibawa.

Suasana di Arafah berhimpun, berdoa dan merintih memohon keampunan saat segala rahsia terbongkar dan penyesalan tidak lagi berguna adalah gambaran awal pada hari kebangkitan. Oleh itu, kehadiran di Arafah bukan sekadar rukun haji, tetapi peluang terbesar untuk kembali kepada Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى* dengan hati yang ikhlas, memohon ampun dan memperbaiki diri sebelum tibanya hari perhitungan yang sebenarnya. Di Arafah, kita belajar bahawa yang menyelamatkan bukan dunia yang kita kumpul, tetapi amal yang kita bawa.

Bagi mereka yang tidak berkesempatan menjadi tetamu Allah di Tanah Suci pada tahun ini, janganlah kita berdukacita kerana rahmat Allah itu amat luas. Sepuluh awal bulan Zulhijjah adalah hari-hari yang penuh keberkatan dan ganjaran yang besar di sisi Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى*. Maka,

marilah kita hidupkan hari-hari ini dengan memperbanyakkan amalan soleh, antaranya:

**Pertama**, memperbanyakkan zikir, tasbih, tahmid dan takbir sebagai mengingati kebesaran Allah dan menghidupkan jiwa dengan rasa kehambaan.

**Kedua**, berpuasa pada hari-hari awal Zulhijjah, khususnya pada hari Arafah bagi yang tidak menunaikan haji, kerana ia menghapuskan dosa setahun yang lalu dan setahun yang akan datang.

**Ketiga**, memperbanyakkan doa dan istighfar, memohon keampunan Allah dengan hati yang tawaduk, seolah-olah kita juga sedang berdiri di Arafah.

**Keempat**, memperbanyakkan sedekah dan amalan kebajikan kepada keluarga, jiran dan masyarakat sebagai tanda syukur dan cinta kepada Allah.

**Kelima**, memperbaiki hubungan sesama manusia, memohon maaf dan menghapuskan sengketa kerana hati yang bersih adalah bekalan menuju hari perhitungan.

Sesungguhnya, walaupun kita tidak berada di Arafah secara jasad, namun hati kita masih mampu “berwukuf” dengan tunduk, insaf dan kembali kepada Allah *سُبْحَانَكَ وَتَعَالَى*.

**HADIRIN SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Ketibaan hari Arafah seharusnya menjadikan kita lebih berhati-hati dan berwaspada dalam menghadapi liku-liku kehidupan, sebelum kita dihimpunkan di Padang Mahsyar kelak.

Sebagai penutup, marilah kita hayati beberapa pesanan penting:

**Pertama**, ibadah haji mendidik kita agar berlumba-lumba dalam kebaikan, berkorban dan bersungguh-sungguh mengamalkan cara hidup Islam serta menyebarkan dakwah.

**Kedua**, hari wukuf di Arafah merupakan peringatan agung daripada Allah tentang hari perhimpunan yang pasti akan tiba.

**Ketiga**, kita hendaklah mempersiapkan diri dengan memelihara iman, memperbaiki ibadah, menjaga hubungan sesama manusia serta mempamerkan akhlak mulia dalam setiap aspek kehidupan.

**Keempat**, manfaatkan sisa usia yang masih berbaki dan rebutlah peluang beramal sebelum ajal menjemput, kerana apabila tiba saat itu, penyesalan tidak lagi berguna.

Ingatlah, setiap detik yang berlalu semakin mendekatkan kita kepada hari perhitungan.

Firman Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى* dalam surah al-Hajj ayat 27:

وَأَذِّنْ فِي النَّاسِ بِالْحَجِّ يَأْتُوكَ رِجَالًا وَعَلَىٰ كُلِّ ضَامِرٍ يَأْتِينَ مِنْ كُلِّ فَجٍّ عَمِيقٍ ﴿٢٧﴾

Maksudnya: “Dan serukanlah umat manusia untuk mengerjakan ibadah haji, nescaya mereka akan datang ke (rumah Tuhanmu) dengan berjalan

kaki dan dengan menunggang berjenis-jenis unta yang kurus yang datangnya dari berbagai jalan (dan ceruk rantau) yang jauh.”

بَارَكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ اللهُ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



## Khutbah Kedua

2026M/1447H

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ،  
وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ، وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ يُحْيِي وَيُمِيتُ  
وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ دَاعِيًا إِلَى سِرَاجِ مُنِيرٍ.

صَلَّى اللَّهُ وَسَلَّم عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ، عَدَدَ خَلْقِهِ وَرِضَا نَفْسِهِ،  
وَزِينَةَ عَرْشِهِ وَمِدَادَ كَلِمَاتِهِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ تَعَالَى رَبَّكُمْ حَقَّ تَقَاتِهِ، وَاعْمَلُوا بِطَاعَتِهِ  
وَمَرْضَاتِهِ.

### MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH,

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil. 1/2009 yang bersidang pada 22 Januari 2009 memutuskan bahawa perbuatan wanita menyerupai lelaki (*pengkid*) dari segi penampilan, perlakuan dan kecenderungan adalah haram, begitu juga lelaki yang menyerupai wanita, kerana ia bertentangan dengan fitrah dan sunnatullah ٪

Pengharaman ini berasaskan hadis Nabi صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ yang melaknat golongan lelaki yang menyerupai wanita dan wanita yang menyerupai lelaki serta larangan memakai pakaian jantina yang berlawanan. Justeru, ibu bapa dan masyarakat Islam hendaklah memberi perhatian serius dengan menekankan pendidikan, bimbingan serta pembentukan sahsiah



anak-anak agar menjaga batas berpakaian, tingkah laku dan identiti selaras dengan tuntutan syarak.

قَالَ اللهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ.  
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،

اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَانصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ، وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ انصُرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ وَالْمَجَاهِدِينَ وَالْمُسْتَضْعَفِينَ فِي فَلَسْطِينَ وَفِي كُلِّ مَكَانٍ، وَفِي كُلِّ زَمَانٍ، بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ أَصْلِحْ أُمَّتَنَا وَوَلَاةَ أُمُورِنَا، وَاجْعَلْ وِلَايَتَنَا فِيْمَنْ خَافَكَ وَاتَّقَاكَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيْزِيَا خُصُوصًا وَوَلَايَةً فُؤَلَاوِ فَيُنْعِجْ آمِنًا مُطْمَئِنًّا سَخَاءَ رَحَاءٍ، دَارَ عَدْلِ وَإِيْمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ، يَا ذَا الْفَضْلِ وَالْإِحْسَانِ.

اللَّهُمَّ وَفَّقْ قَادَتَنَا وَرُعَمَاءَنَا وَوَلَاةَ أُمُورِنَا لِمَا فِيهِ عِزُّ دِينِكَ وَنَصْرُ شَرِيْعَتِكَ، اللَّهُمَّ اجْعَلْهُمْ هُدَاةً مُهْتَدِينَ صَالِحِينَ مُصْلِحِينَ وَاشْمَلِ اللَّهُمَّ بِعِنَايَتِكَ وَتَوْفِيْقِكَ عَلَى صَاحِبِ الْجَلَالَةِ،

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Raja Zarith Sofiah.

وَكَذَلِكَ صَاحِبِ الْفَخَامَةِ،

Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama Haji Ramli bin Ngah Talib, Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang dan Yang Mulia Toh Puan Raja Dato' Seri Utama Noora Ashikin binti Raja Abdullah.

“Ya Allah! Dengan sifat-Mu yang Maha Pemurah dan Maha Penyayang; Jadikanlah kami dan keturunan kami orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah, mengeluarkan zakat melalui Zakat MAINPP dan melaksanakan waqaf melalui Wakaf MAINPP.

Rahmatilah jua para pembayar zakat dan pewakaf sekalian, serta berkatilah usaha Kerajaan Negeri melalui Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) dalam usaha mewujudkan keseimbangan sosio-ekonomi ummah di negeri yang tercinta ini.”

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ! إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَائِي ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.



جابتن حال إحوال اكمام إسلام قولواو فینخ  
JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PULAU PINANG